

27 MAR 2004

ABDULLAH-MESEJ

ABDULLAH HANTAR MESEJ JELAS KEPADA PELABUR GLOBAL

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang meneruskan tradisi mengekalkan portfolio menteri kewangan, telah menghantar mesej jelas kepada pelabur global bahawa dasar-dasar properniagaan dan berpandangan jauh negara akan diteruskan.

Beliau telah menunjukkan bahawa dasar-dasar perdagangan dan pelaburan sedia ada negara akan kekal dipatuhi dan ditambahbaiki sejajar dengan cabaran yang sentiasa berubah, juga dengan mengambil kira keadaan antarabangsa yang sentiasa berubah-ubah.

Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mengambil alih portfolio itu dalam 1998 selepas memecat timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan waktu itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ia merupakan satu langkah penting ketika itu memandangkan keputusan-keputusan penting perlu dibuat pada peringkat paling tertinggi bagi mengembalikan semula kedudukan kewangan negara kepada sedia kala selepas dihancurkan oleh krisis kewangan serantau 1997-98.

Malah sekarang, Malaysia, walaupun telah pulih dan dengan ekonominya kian meningkat, perlu berpuas hati dengan pelbagai cabaran di dalam ekonomi global dan lanskap kewangan, khususnya persaingan bagi mendapatkan pelaburan asing langsung dan negara-negara mengadakan perjanjian perdagangan bilateral.

Dengan itu, keputusan Abdullah yang mengambil alih sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan daripada Dr Mahathir pada 31 Okt, 2003, untuk mengekalkan portfolio Kewangan adalah langkah bijak untuk meningkatkan daya persaingan dan mengawasi dengan ketat kewangan negara.

Ini diberikan penekanan yang lebih lanjut dengan pengekalan teknokrat kewangan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop --satu-satunya anggota kabinet bukan ahli politik -- sebagai Menteri Kewangan Kedua, yang dilantik pada 9 Jan, tahun ini.

Nor Mohamed diberikan kredit sebagai memainkan peranan utama dalam

pemulihan Malaysia daripada krisis kewangan dan khususnya sokongannya kepada tambatan ringgit pada RM3.80 bagi setiap satu dollar AS yang pada hari ini memberikan satu penebat kepada negara ini daripada serangan spekulasi mata wang dan menerajui negara ini ke arah pertumbuhan yang berterusan.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang pada awalnya mengeji Malaysia kerana mengenakan kawalan modal tidak orthodox dalam tahun 1998, termasuk tambatan ringgit, kemudiannya memuji Malaysia kerana mengenakan kadar tukaran tetap kerana ia membantu ekonominya mengembang walaupun di dalam keadaan serantau dan global yang sukar.

Dalam satu laporan beberapa hari lepas, IMF berkata, ringgit walaupun telah ditambat pada RM3.80 bagi lebih lima tahun kini nilainya masih seimbang walaupun berlaku kenaikan dan penurunan di dalam mata wang asing.

Abdullah kerap menemui pengurus dana asing bagi memberi keyakinan kepada mereka bahawa Malaysia adalah tempat yang baik untuk melabur dan ini telah menghasilkan peningkatan aliran masuk pelaburan seperti yang terbukti melalui lonjakan di pasaran saham yang melepasi tahap halangan psikologi 900 mata dua minggu dulu.

Kemenangan besar yang dicapai oleh parti pemerintah Barisan Nasional (BN) pimpinan Abdullah dalam Pilihan Raya Umum ke-11 yang berlangsung baru-baru ini memperkukuhkan lagi keyakinan mereka terhadap masa depan ekonomi Malaysia.

Keputusan Perdana Menteri untuk mengekalkan Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga dianggap sebagai langkah memastikan kesinambungan kerana beliau merupakan salah seorang menteri perdagangan yang paling lama berkhidmat di dunia dan pastinya antara yang paling berpengetahuan di dunia.

Malah, Rafidah lebih kanan daripada Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Dr Supachai Panitchpakdi yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan Thailand pada 1986 manakala Rafidah dilantik memegang portfolio yang serupa pada 1980.

Melalui kepimpinannya di MITI, Rafidah telah meletakkan Malaysia di kalangan 19 buah negara perdagangan terkemuka di dunia, dan merupakan salah seorang pegawai perdagangan yang menjadi buruan di persidangan dan rundingan perdagangan di peringkat antarabangsa.

Rafidah mempamerkan ciri-ciri ini dengan tepat pada persidangan peringkat menteri WTO di Cancun, Mexico September tahun lalu, di mana beliau menggerakkan 21 negara membangun bagi menghalang percubaan oleh ekonomi-ekonomi utama untuk memasukkan isu-isu perdagangan baru dalam perbincangan yang, jika diterima, akan merugikan negara-negara membangun.

Pewujudan kementerian-kementerian baru dan pengasingan beberapa kementerian memperlihatkan bahawa Abdullah mahu memperkemas dan memperluaskan bidang-bidang pertumbuhan yang akan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping menekankan perlunya Malaysia mengekalkan kedudukan kukuh dalam perdagangan antarabangsa dengan menukar nama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian dan Perkhidmatan Malaysia (Misda), Abdullah juga memberi perhatian kepada usaha merangsang industri berasaskan pertanian.

Bagi Kementerian Kewangan pula, beberapa muka baru dipilih, khususnya Tengku Datuk Putera Tengku Awang, yang telah dilantik sebagai salah seorang timbalan menterinya, manakala Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, dikekalkan menyandang jawatan timbalan menteri.

Seorang lagi Timbalan Menteri Kewangan ialah Tengku Awang yang merupakan Ali Parlimen dan Ketua UMNO Bahagian Hulu Terengganu.

Beliau meraih sebanyak 23,815 undi dengan majoriti 7,760 undi mengatasi Muhyidin Abdul Rashid dari PAS yang mempertahankan kerusi berkenaan dalam pilihan raya umum 21 Mac lalu.

Dalam pilihan raya umum 1999, beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Telemung yang merupakan sebahagian daripada kawasan Parlimen Hulu Terengganu,

Datuk Dr Hilmi Yahya, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Bagi MITI, timbalan-timbalan baru Rafidah terdiri daripada Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar

Malaysia

(Matrade); dan Mah Siew Keong, MP bagi Teluk Intan.

Setiausaha Parlimen MITI ialah Datin Paduka Dr Tan Yew Kee. --

BERNAMA

MR/SHY KY AHM